

Profil Fasilitator

Azmi Shahrin Bin Abdul Rahim

Azmi Shahrin, mantan Presiden Extol Toastmasters Club dan Kelab Pidato Perdana telah mendapat pendidikan awalnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Selepas tamat SPM, beliau telah berjaya mendapat anugerah Biasiswa Shell untuk mengikuti kursus sarjana muda dalam bidang perakaunan dan ekonomi di University of Kent, United Kingdom. Beliau telah berjaya memperolehi ijazah sarjana muda ini dengan kepujian. Masakini, beliau sedang mengikuti kursus sarjana ekonomi di Universiti Malaya, di mana beliau juga memikul tanggungjawab sebagai Presiden Kelab Pasca Siswazah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.



Beliau juga seorang yang aktif dalam politik dan badan-badan bukan kerajaan. Di antara jawatan-jawatan yang diamanahkan kepada beliau adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan USJ14, Setiausaha Pemuda UMNO Zon USJ, AJK Biro Belia & Sukan Pemuda UMNO Bahagian Kelana Jaya and AJK Belia 4B Kawasan Kelana Jaya.

Beliau juga seorang anggota kanan organisasi Toastmasters International yang telah memegang pelbagai jawatan di peringkat kelab dan bahagian. (Toastmasters International adalah sebuah organisasi antarabangsa bertujuan untuk membantu ahli-ahli belajar kaedah-kaedah berkomunikasi serta kepimpinan). Beliau adalah Penolong Gabenor Daerah C, Toastmasters International bagi penggal 2006/2007. Beliau merupakan seorang pemidato yang dihormati kerana telah memenangi pertandingan-pertandingan berpidato di peringkat kelab dan bahagian.

Beliau telah membantu ratusan peserta-peserta pelajar dan orang dewasa mempelajari kaedah-kaedah pengucapan awam dan kepimpinan, semenjak tahun 2000. Cita-cita beliau adalah membantu seramai yang boleh rakyat Malaysia daripada segenap lapisan untuk berkounikasi secara berkesan.

Di antara program-program yang telah dikendalikan adalah seperti berikut:

- ❖ Ogos 2005 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk 120 pegawai TLDM sebagai persiapan sebelum mengikuti latihan kapal selam di Perancis.
- ❖ Nov-Dis 2005 – 2 Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar sekolah menengah (25 peserta).
- ❖ Nov-Dis 2005 – 2 Kursus Ucapan Awam untuk pelajar-pelajar sekolah menengah (20 peserta).
- ❖ Disember 2005 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk Pengetua-pengetua Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (54 peserta)
- ❖ Januari 2006 - Kursus Ucapan Awam untuk Ketua-ketua Murid dan Timbalan Ketua-ketua Murid Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (108 peserta)
- ❖ Februari 2006 - Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk Penolong-penolong Kanan Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (54 peserta)
- ❖ Mac 2006 – Program Berkomunikasi (Bahasa Inggeris) untuk guru-guru Sains dan Matematik SMS Hulu Selangor (21 peserta)
- ❖ April 2006 – Modul Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) dalam English In Camp program (216 peserta)
- ❖ Mei 2006 – Kursus Ucapan Awam untuk pengawas-pengawas SMS Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan (34 peserta)

- ❖ Julai 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk anggota PASKAU - Pasukan Komando TUDM (20 peserta)
- ❖ Julai 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk kakitangan mengajar Sekolah Datuk Abdul Razak (SDAR), Negeri Sembilan (65 peserta)
- ❖ Ogos 2006 – Kursus Bahasa Inggeris 'Better Spoken English' Bil. 4/2006 untuk pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran (15 peserta)
- ❖ Aug-Dis 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Pusat Pembelajaran Presint 8, Putrajaya (15 peserta).
- ❖ September 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk anggota PASKAU - Pasukan Komando TUDM (20 peserta)
- ❖ September 2006 – “High Impact Presentation Program” untuk pegawai-pegawai TUDM (20 Peserta)
- ❖ November 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pensyarah-pensyarah Bahasa Inggeris di Politeknik Merlimau (20 peserta)
- ❖ November 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar di Politeknik Merlimau (20 peserta)
- ❖ November 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar (21 peserta)
- ❖ Disember 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar anjuran Eduvision Training Center (10 peserta)
- ❖ Disember 2006 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar anjuran Rukun Tetangga Kawasan SS23 (13 peserta)
- ❖ Mac 2007 - Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk pelajar-pelajar dan kakitangan Shelter Home, PJ (18 peserta)
- ❖ Mac 2007 - Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk Dynamic Speakers Training Centre, Subang Jaya (18 Peserta)
- ❖ Mac 2007 –Kursus Penyampaian Efektif untuk Operators In Charge (OIC) NXP Semiconductors Malaysia Sdn Bhd, Seremban (25 Peserta)
- ❖ April 2007 – Ucapan perasmian pelancaran Minggu Bahasa Inggeris Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS)
- ❖ April 2007 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk Dynamic Speakers Training Centre, Subang Jaya (18 Peserta)
- ❖ Mei 2007 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk Pusat Tuisyen Restu Jaya (16 Peserta)
- ❖ Mei 2007 – Kursus Penyampaian Efektif (Bahasa Inggeris) untuk Sedaya University College (100 Peserta s)
- ❖ Jun 2007 – Kursus Penyampaian Efektif (Bahasa Inggeris) untuk graduan Universiti Malaya (500 Peserta)
- ❖ June 2007 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) untuk Global Language and Tuition Centre, Melaka (16 Peserta)
- ❖ June 2007 – Kursus Ucapan Awam (Bahasa Inggeris) Dare To Speak™ untuk Dynamic Speakers Training Centre, Petaling Jaya (6 Peserta)

Sila layari ke <http://xfactor21a.multiply.com> untuk mendapatkan profil yang lebih lengkap serta dengan gambar-gambar dan sedutan-sedutan video rakaman program-program yang beliau kendalikan.

